

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 60**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat pengangkutan termasuklah pengangkutan udara, darat dan laut yang kini sangat terjejas kesan daripada pandemik COVID-19.

**JAWAPAN:**

Yang Dipertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan pemain industri dalam perkhidmatan pengangkutan sama ada sektor darat, maritim mahupun udara. Shubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi membantu syarikat pengangkutan dalam ketiga-tiga sektor.

**Sektor Darat**

2. Bagi sektor darat, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu pemandu kenderaan pengangkutan awam. Antaranya adalah melalui Pakej PRIHATIN iaitu bantuan tunai one-off RM500 kepada pemandu e-hailing, dan bantuan tunai one-off RM600 kepada pemandu bas pelancongan, bas sekolah dan teksi.

3. Semua kenderaan perkhidmatan awam juga diberi kebenaran khas, tambahan satu tahun kepada had usia maksima untuk didaftarkan atau penggantian, tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM.

4. Manakala Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Covid-19 2020 memberi kebenaran kepada pemandu kenderaan pengangkutan awam dan barangan termasuk pemandu teksi untuk menyediakan perkhidmatan lain seperti penghantaran barang sekiranya tidak membawa penumpang.

5. Selain itu, inisiatif My30 menerusi Program PENJANA yang dilaksanakan mulai 15 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020 membolehkan pengguna mendapatkan pas perjalanan tanpa had selama 30 hari berturut-turut bagi pengangkutan awam di bawah seliaan Prasarana Malaysia Bhd. di Lembah Klang pada harga RM30 sahaja. Inisiatif ini akan diperluaskan bagi pengangkutan awam di bawah seliaan Prasarana di Kuantan dan Pulau Pinang mulai 2021. Kerajaan juga sedang mempertimbang permohonan Prasarana untuk meneruskan inisiatif ini di Lembah Klang bagi tahun 2021. Inisiatif ini akan memastikan orang ramai terus menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam di bawah seliaan Prasarana.

### **Sektor Udara**

6. Bagi sektor udara, Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi pada Februari 2020 bersetuju antara lain supaya Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) mengurangkan caj pendaratan dan parkir pesawat melalui mekanisme kontra.

7. Di samping itu, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020, lebih banyak kelonggaran diberikan oleh Kerajaan termasuk kebenaran untuk melakukan perjalanan rentas negeri dan pengecualian penjarakan fizikal dalam pesawat penerbangan.

8. Selain itu, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan syarikat penerbangan terus bekerjasama bagi meningkatkan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan bagi memulihkan sektor pelancongan domestik.

## NO. SOALAN : 60

9. Bagi sektor pelancongan antarabangsa, Kerajaan sedang berunding dengan beberapa negara termasuk Singapura, Thailand, New Zealand dan Jepun untuk melaksanakan konsep *travel bubble*. Konsep ini membenarkan penerbangan dan penumpang dari negara dalam kategori hijau memasuki Malaysia tertakluk kepada SOP tertentu seperti ujian saringan kesihatan sebelum berlepas dan tiba di Malaysia.

10. Seterusnya Kerajaan memperuntukkan RM50 juta pada 2021 untuk program latihan dan penempatan semula bagi 8 ribu kakitangan syarikat penerbangan di Malaysia. Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi merancang program latihan dan penempatan semula kakitangan syarikat penerbangan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Program peningkatan kemahiran dan latihan semula akan dilaksanakan dengan tumpuan kepada kebolehpasaran pekerja dan padanan pekerjaan.

### **Sektor Maritim**

11. Bagi sektor maritim, antara inisiatif yang dilaksanakan adalah melanjutkan tempoh simpanan percuma untuk kontena FCL (*Full Container Load*). Untuk tujuan import, bagi negara ASEAN dari 5 hari ke 7 hari dan bagi negara selain ASEAN dari 4 hari ke 6 hari. Sementara bagi tujuan export, dari 5 hari ke 7 hari.

12. Inisiatif lain adalah diskaun bagi dius pelabuhan sebanyak 20% bagi semua singgahan kapal, dan diskaun bagi caj pesisiran pantai sebanyak 20% kepada pengimport dan pengeksport yang mengendalikan kargo melalui jeti persendirian.

Sekian, terima kasih.